
**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 15 OKTOBER 2019

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] - *Pengerusi*
YB. Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]
YB. Dr. Su Keong Siong [Kampar]
YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]
YB. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]

URUS SETIA

Encik Wan Ahmad Syazwan bin Wan Ismail [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Pengurusan Kamar Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat)]
Cik Aiza binti Ali Raman [Penasihat Undang-undang II, Pejabat Penasihat Undang-undang (Pejabat Ketua Pentadbir)]
Puan Lee Jing Jing [Jurubahasa Serentak Kanan I, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat)]
Cik Fatin 'Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat)]
Puan Wan Noor Zaleha binti Wan Hassan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Antarabangsa dan Keselamatan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan)]
Puan Siti Fahlizah binti Padlee [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Tenaga dan Teknologi (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan)]

HADIR BERSAMA

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)

YBrs. Tuan Mohamad Onn bin Abd. Aziz [Setiausaha]
Puan Eda Mazuin binti Abdul Rahman [Penasihat Undang-undang]

samb/-

HADIR BERSAMA**Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC)**

Puan Kalai Vani a/p Annadorai [Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang]

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

YBhg. SAC Dato' Mohd Azman bin Ahmad Sapri [Ketua Urus Setia KPN (Perundangan)]

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof [Setiausaha Bahagian (Bahagian Keselamatan)]

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU)

YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari [Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan)]

Pejabat Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Datuk Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan [Penasihat Undang-undang]

Jabatan Peguam Negara

Encik Peh Suan Yong [Timbalan Penggubal Undang-undang Parlimen I]

Cik Shukriah Hamidah binti Mohamad [Ketua Unit (Pembangunan Sosial dan Ekonomi)]

Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'A'

YDh. SAC Sulaiman bin Yahaya [Presiden]

Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'B'

Insp. Sohaimi bin Hashim [Presiden]

DSP Koo Boon Kuat

Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja (PPRPD)

Sub Insp. Norraji bin Rojjo [Presiden]

Sub Insp. Mohd Isa bin Hj. Simbok [Timbalan Presiden]

Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA)

YBhg. Dato' Wong Pui Lam [Naib Presiden]

YBhg. Dato' Razali bin Basri [Naib Presiden]

YBhg. Dato' Ahmad Nadzer bin Nordin [Ahli Jawatankuasa Pengurusan]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG
RANG UNDANG-UNDANG
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA****Selasa, 15 Oktober 2019****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.14 petang***[Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Selamat petang kepada semua. *We have...***Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]:** *Enough quorum.***Tuan Pengerusi:** *Enough quorum, right?* Empat Ahli yang hadir. Saya telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pengerang, beliau tidak dapat hadir kerana di Dewan.**Datuk Roosme binti Hamzah:** *She is debating.***Tuan Pengerusi:** *She is debating, ya. She told me.***Datuk Roosme binti Hamzah:** Yang Berhormat Santubong *also.***Tuan Pengerusi:** *Oh, he is debating as well? Okay. So, never mind. I think we can proceed. We have enough. Today, we are supposed to meet with four groups and they are Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'A' (PPKPA), Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'B' (PPKPB), wakil Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja (PPRPD) and also Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA). They all from the PDRM and they are ready. So, I think we can call them in one by one, starting with the Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'A', SAC Sulaiman bin Yahaya.**[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]***SAC Sulaiman bin Yahaya [Presiden (Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'A')]:** Selamat petang.**Tuan Pengerusi:** *SAC Sulaiman is it?* Selamat petang. Terima kasih kerana hadir bersama kami untuk membincangkan tentang Rang Undang-undang IPCMC ini. Saya percaya tuan ada dapat salinan rang undang-undang tersebut kan?**SAC Sulaiman bin Yahaya:** Ada.**Tuan Pengerusi:** Ada 25 pindaan.

SAC Sulaiman bin Yahaya: 25 pindaan itu saya tidak dapat. So, saya berdasarkan kepada apa yang saya dapat awalnya daripada...

Tuan Pengerusi: *Pre-amendment.*

SAC Sulaiman bin Yahaya: *Pre-amendment.*

Tuan Pengerusi: *Do you have a copy of the...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak apa. *We will give you a copy of the pindaan itu. Maybe you can just have a look as you go along.*

SAC Sulaiman bin Yahaya: Okey.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi apa yang hendak taklimat, *please feel free.*

SAC Sulaiman bin Yahaya: Okey.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Just to note. This is like Parliament in session. Although it is in Jawatankuasa Pilihan Khas, if in case pihak daripada PDRM menggunakan pembesar suara, we have Penyata Rasmi akan rekod. Akan tetapi kalau tidak hendak, then you can just off the mic.*

SAC Sulaiman bin Yahaya: *Okay, alright.*

Tuan Pengerusi: So, saya akan jemput SAC Sulaiman bin Yahaya untuk memulakan taklimat beliau. Silakan.

Datuk Roosme binti Hamzah: Ini daripada Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'A'.

SAC Sulaiman bin Yahaya: Yes. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, tuan-tuan dan puan-puan. Saya akan terus memulakan taklimat saya ataupun pandangan daripada pihak saya. Untuk makluman, saya mewakili Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'A' untuk menyatakan beberapa perkara berkaitan dengan IPCMC.

Saya memulakan dengan beberapa perkara yang ingin saya bantangkan di sini dan saya akan teruskan iaitu Polis Diraja Malaysia yang telah berusia 212 tahun. Pada tahun ini telah melalui zaman kegemilangan bermula pada era kolonial dengan ancaman komunis, era darurat, jenayah terancang dan era siber. Era ini dilalui dengan sumbangan yang amat besar membawa kepada keamanan, kemakmuran dan seterusnya mencipta pembangunan negara. Adalah sesuatu yang sukar dinyatakan dengan apa bentuk gambaran perit dan getir yang dilalui oleh anggota PDRM yang tidak pernah dilalui oleh mana-mana agensi kerajaan atau penjawat awam yang menerima kemudahan dan tangga gaji yang hampir sama. Kegetiran ini boleh dinyatakan secara ringkas, antaranya merupakan profesion yang paling stres.

■1520

Saya merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Masilamani Retneswari (2013) iaitu '*Prevalence and associated factors of stress in the Malaysian Police Force*'. Seterusnya kerja tanpa mengira masa, tugas yang tidak melayakkan untuk menuntut bayaran lebih masa mengikut Perintah Am Bab G, disifatkan sebagai sentiasa bertugas berdasarkan kepada peruntukan seksyen 9 Akta Polis, tidak mendapat cuti raya kepada mereka apabila diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas pada hari tersebut, diherdik, dicerca dan dimaki sehingga kepada risiko lebih serius apabila berhadapan dengan penyakit kecederaan dan kematian disebabkan risiko semasa menjalankan tugas.

Masyarakat mungkin tidak merasai kecuali keluarga terdekat, namun lebih kepada pandangan luar. Akan tetapi apa yang masyarakat dapat lihat ialah beberapa kesilapan, kesalahan dan keburukan yang terpapar, malah yang sengaja digembar-gemburkan oleh pihak yang tidak suka dan menganggap polis sebagai musuh mereka. Malah warga PDRM masih menjalankan tugas dalam keadaan serba kekurangan dalam aspek kelengkapan tugas sehingga kemudahan dan aspek kebajikan dengan balasan gaji yang tidak setimpal dibandingkan dengan apa yang disebutkan tadi. Namun yang dilihat oleh segelintir masyarakat ialah warga PDRM hidup mewah melebihi gaji seolah-olah mereka tidak layak untuk menikmati kemewahan tanpa usul periksa dikaitkan dengan perbuatan rasuah. Persepsi ini tidak dilihat dengan adil dibandingkan dengan penjawat awam yang lain kerana polis diberikan kuasa yang menjuruskan kepada perlakuan rasuah.

Kita tidak menolak dan menafikan bahawa terdapat dalam kalangan anggota PDRM yang terlibat dengan aktiviti jenayah, salah guna kuasa, rasuah dan lain-lain salah laku yang disifatkan sebagai *bad apple* di dalam pasukan polis. Perkara ini tidak wajar dan tidak adil jika digeneralisasikan kerana mereka tidak mewakili keseluruhan warga PDRM. Wajar diterima dalam sejumlah sedikit yang melakukan kesalahan terdapat jumlah yang besar memiliki integriti yang tinggi. Persekitaran ini tidak wujud prasangka yang sama jika dibandingkan dengan lain-lain agensi penguat kuasa atau lain-lain penjawat awam dalam lain-lain agensi kerajaan dan swasta. Bertitik tolak kepada senario ini, pihak kami bersikap positif dalam menerima sebarang usaha untuk meningkatkan integriti, membanteras jenayah dan penyalahgunaan dadah dan lain-lain salah laku. Malah menerima secara positif pengenalan kepada IPCMC atau apa-apa mekanisme untuk meningkatkan integriti lebih-lebih lagi apa bila SIAP memberi jaminan bahawa jawatankuasa teknikal akan ditubuhkan bagi tujuan memperincikan penubuhan dan Rang Undang-undang IPCMC.

Pada pertemuan pertama pihak kami merasakan suatu semangat yang diberikan dalam menghasilkan satu *output* yang terbaik dan anjakan yang berbeza dengan senario tahun 2005 apabila IPCMC ingin diperkenalkan. Akan tetapi apa yang kami lihat selepas beberapa pertemuan dengan SIAP dan GIACC serta meneliti kandungan RUU dan kaedah pelaksanaannya, maka dilihat imej yang sama dengan apa yang IPCMC sebelum ini kerana ciri-ciri ketidakadilan dan tekanan diberikan kepada warga PDRM.

Maka suka ditegaskan di sini bahawa IPCMC ditentang bukan kerana nama IPCMC, tetapi kandungannya tidak memberi keadilan pada pandangan kami sewajarnya dan kami berpandangan pengurusan dan kawalan disiplin dalam PDRM akan menjadi kucar kacir seterusnya akan memberi kesan negatif kepada masyarakat dan keselamatan negara. Mendapat maklum balas daripada masyarakat berhubung perkhidmatan polis dan peranan *whistleblower* akan memberi kesan positif kepada peningkatan integriti. Saya merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Arifin Megat Ayop (2016).

Isu yang ingin saya ketengahkan di sini sebagai mewakili Persatuan Pegawai Kanan, pertamanya dalam penyediaan RUU tidak teliti dan tergesa. Isu untuk mewujudkan IPCMC tidak dibentang dengan jelas secara saintifik melalui kajian yang *empirical*, aspek keberkesanan dan kewajaran diwujudkan IPCMC. Melainkan sekadar menerima pakai cadangan dan laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (RCI) dan berpaksi kepada manifesto Pakatan Harapan. Dalam cadangan ke-12 daripada 125 cadangan dalam Laporan RCI dinyatakan membentuk satu mekanisme penyemakan yang bebas dan dipercayai nama IPCMC ini pada pandangan kita wujud sebagai mengambil contoh negara-negara seperti United Kingdom, Hong Kong, Queensland dan New South Wales, Australia sebagai penanda aras (*benchmarking*), dengan izin.

Walau bagaimanapun, dipercayai perkara ini diambil secara *cut and paste* dengan beberapa perubahan. Disebabkan kewujudan tanpa kajian dan penelitian yang terperinci, maka melahirkan satu RUU pada tahun 2005. Pada pandangan kami suatu yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan seterusnya semangat yang sama diterjemahkan dan diteruskan kepada RUU IPCMC Bil. 2019. Komen dan penjelasan yang diutarakan pada beberapa sesi perbincangan dan konsultasi PDRM dan GIACC dan terakhirnya bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak mendapat jawapan dan maklum balas seperti yang diinginkan. Perkara yang dibangkitkan berkisar soal dasar dan melibatkan isu perlembagaan. Hasilnya apa bila dibentangkan untuk bacaan kedua untuk perbahasan, Menteri mengumumkan terdapat 24 pindaan yang belum diputuskan apakah pindaan yang dibuat. Maka amat tidak wajar dan

bercanggah dengan prinsip keadilan dan semangat undang-undang jika RUU ini dibuat semata-mata kerana memenuhi janji manifesto.

Kedua, kesamarataan. IPCMC dan RUU IPCMC merupakan satu badan dan undang-undang yang direka bentuk khusus untuk PDRM bagi tujuan mengambil tindakan undang-undang yang melibatkan hukuman bersesuaian dengan namanya. Meskipun terdapat *provision* yang memperuntukkan perkara-perkara berkaitan perkara kebajikan dan pentadbiran. Namun, perkara ini pada pandangan kami hanya bersifat *supplement* sahaja sedangkan fokus utama berkaitan siasatan dan hukuman terhadap salah laku. Sewajarnya sebagai penjawat awam dan agensi penguat kuasa undang-undang yang diberikan tanggungjawab dan peruntukan seksyen 3(3) Akta Polis perlu dilayan sama rata tanpa ada diskriminasi sebagaimana dalam peruntukan Perkara 8 *Federal Constitution*.

Seterusnya, isu berkenaan dengan kematian dalam lokap dan kecederaan semasa dalam tahanan polis. Kes-kes melibatkan kematian dan kecederaan semasa dalam tahanan polis, tembakan dan beberapa perlakuan yang dilihat melanggar hak asasi manusia dikenal pasti antara menjadi perkara utama desakan kepada IPCMC berdasarkan beberapa kenyataan yang telah dibuat. Sudah diketahui umum dan sewajarnya difahami oleh mereka yang terlibat secara langsung hal berkaitan undang-undang dan prosedur bahawa terdapat proses-proses perundangan yang ditetapkan dalam KPJ. Sekiranya didapati berlakunya kesalahan oleh mana-mana pihak yang akan berhadapan dengan pertuduhan mahkamah, kita merujuk kepada seksyen 229 dan 230 KPJ. Dalam hal ini, sekiranya kerajaan mendapati perlu ditubuhkan suruhanjaya siasatan, maka kerajaan boleh membuat keputusan demi memastikan keadilan.

Namun berdasarkan kepada statistik dalam tempoh 10 tahun iaitu 2009 hingga 2019, terdapat 114 kes kematian dalam lokap dan hanya enam kes sahaja yang melibatkan kecederaan oleh polis. Lain-lain sebab kematian ialah HIV, asma, sakit jantung, pendarahan otak dan lain-lain penyakit dan 14 kes gantung diri. Jika dilihat menjadi asas kepada penubuhan IPCMC, maka keputusan ini amat tidak adil kepada pegawai polis. Laporan kajian yang dilaksanakan oleh SUHAKAM – saya merujuk kepada laporan SUHAKAM berhubung dengan kajian yang dibuat iaitu kematian dalam lokap polis, suatu kaji selidik mengenai keadaan lokap dan faktor-faktor penyumbang kepada kematian pada tahun 2016, menunjukkan faktor yang menyumbang kepada kematian dalam tahanan polis disebabkan oleh isu kesihatan, kemudahan infrastruktur di lokap, kemudahan siasatan dan permohonan reman, hak dan kebajikan anggota dan pegawai PDRM dan kerjasama antara agensi. Ini yang terkandung di dalam laporan hasil daripada kajian SUHAKAM pada tahun 2016.

Jika dilihat penemuan ini, maka didapati faktor luaran dan luar kawalan PDRM, namun tanggungjawab diletakkan kepada PDRM. Siapakah perlu diberi keutamaan IPCMC menyiasat di bawah klausa 47 atau koroner yang telah diperuntukkan di dalam Kanun Prosedur Jenayah. Suka ditegaskan di sini memadai dengan adanya Majlis Peguam, SUARAM, SUHAKAM, SPRM, SIAP dan lain-lain bagi menyiasat dan memantau polis dan diberikan kesaksamaan. Seterusnya, IPCMC melihat keperluan dan kebajikan polis.

■1530

Ini berdasarkan kepada apa yang telah ada dan diperuntukkan di dalam rang undang-undang 2019.

Keperluan logistik dan kebajikan polis perlu dilihat secara berasingan. Dengan penubuhan IPCMC, meskipun terdapat dalam Klausa 52. Pertama, klausa ini tidak mengikat mana-mana pihak melainkan hanya sekadar memberi cadangan. Kedua, keperluan logistik dan kebajikan merupakan hak yang perlu ditunaikan tanpa menjadikan satu syarat kepada penubuhan IPCMC. Suka saya menyatakan di sini bahawa kalau tanpa IPCMC itu, maka keperluan dan apa yang hak yang perlu diberikan kepada PDRM perlu dilaksanakan. Setiap pekerja wajar menikmati keperluan dan *facility* menjalankan tugas dan mengambil berat berkaitan dengan kebajikan yang akan menjadi motivasi kerja dan sebaliknya akan menjejaskan prestasi. Masalah yang lama dihadapi sekian lama iaitu sebelum penubuhan RCI sewajarnya menjadi agenda penting sebelum kita fokus kepada IPCMC. Perkara ini diakui oleh beberapa MPs semasa berucap di sidang Parlimen pada 7 Oktober 2019 yang menyatakan beberapa kekurangan yang ada pada PDRM dalam aspek logistik keperluan tugas dan dari segi kebajikan.

Kedudukan polis bantuan iaitu yang dilantik di bawah seksyen 47, polis tambahan di bawah seksyen 8, polis penjaga di bawah seksyen 9 dan sukarelawan polis seksyen 34, Akta Polis. Kedudukan polis bantuan di dalam rang undang-undang ini telah di-*exclude*-kan di dalam peruntukan ataupun tindakan undang-undang diambil terhadap mereka. Suka saya menekankan di sini, mereka merupakan anggota pasukan yang tertakluk kepada disiplin dan peraturan sebagai pegawai polis. Mereka dilantik di bawah peruntukan 47, Akta Polis, seksyen 8, seksyen 9 dan juga seksyen 34. Mereka ada dilantik oleh Ketua Polis Negara untuk melaksanakan tugas berdasarkan kuasa dan peruntukan dalam Akta Polis. Ketika menjalankan tugas, mereka mempunyai kuasa yang tidak ada beza dengan polis-polis yang dilantik secara tetap.

Dalam kes polis bantuan yang dilantik dalam perkhidmatan kerajaan, maka mereka juga merupakan pegawai awam. Pelantikan mereka oleh IGP dan apabila IPCMC ini wujud, kuasa kawalan tatatertib sebagaimana yang telah diputuskan bahawa kuasa tertib akan diambil alih oleh IPCMC, maka kuasa untuk tindakan tatatertib tidak dapat dilaksanakan. Maka, tidak wajar

peruntukan IPCMC itu tidak mengambil kira kedudukan mereka sebagai anggota pasukan polis. Seterusnya, berkenaan dengan keperluan kepada kuasa tatatertib berhubung dengan isu Perkara 140, Perlembagaan Persekutuan. Meskipun menjadi salah sah untuk IPCMC melaksanakan kawalan disiplin, namun kami berpandangan bahawa tidak ada keperluan kepada kuasa ini untuk diambil atau diletakkan dalam Rang Undang-undang IPCMC. Pertama, tindakan ini menggambarkan IPCMC cenderung kepada mengambil kuasa untuk menjatuhkan hukuman. Kedua, pelbagai percanggahan berlaku dan masih belum ada satu penyelesaian yang mutlak kerana pandangan berdasarkan kepada interpretasi masing-masing berdasarkan kepada latar belakang dan kepakaran seseorang.

Antara perkara yang masih dalam persoalan adalah percanggahan Klausula 33, IPCMC dan Perkara 135, Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan kuasa menjatuhkan hukuman, turun pangkat dan buang kerja. Begitu juga perkara-perkara yang berkaitan dengan seksyen 31(4) Rang Undang-undang IPCMC. Dasar yang perlu dan kita pohon untuk mendapat penjelasan lanjut adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- i) kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) dalam penurunan pangkat dan pemecatan pegawai dan anggota polis adalah di bawah Perkara 135, Perlembagaan Persekutuan. Maka, wujud percanggahan di antara klausula Lembaga Tatatertib IPCMC dengan Perkara 135, Perlembagaan Persekutuan kerana SPP hanya tertakluk untuk menjalankan kuasa pelantikan sahaja, di mana sepatutnya institusi yang melantik seharusnya mempunyai kuasa untuk memecat.
- ii) pelantikan Ketua Polis Negara dan juga ahli SPP ke dalam Lembaga Tatatertib IPCMC adalah berkemungkinan tidak sah, atas alasan pada pandangan kami, kuasa kawalan tatatertib di bawah SPP telah diambil alih oleh IPCMC, maka Ketua Polis Negara dan ahli SPP tiada sebarang kuasa mengadili kes berhubung kesalahan tatatertib seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 140, Perlembagaan Persekutuan. Dalam senario PDRM, kita berpandangan bahawa dalam bentuk tugas *regimented* ini kita berhadapan dari segi *command and control* dan sebagainya. Seandainya wujud ketiadaan kuasa untuk mengawal anggota-anggota di bawah kita, maka satu bentuk ataupun kawalan disiplin oleh ketua amat sukar dilaksanakan di dalam PDRM ini sendiri.
- iii) *preamble* IPCMC memerlukan penjelasan lanjut kerana pada ketika ini ia membawa maksud yang amat luas dan tidak jelas berkaitan siasatan, aduan serta apa-apa perkara berhubung dengan salah laku.

- iv) seksyen 5(2)(c) Rang Undang-undang IPCMC 2019 berkaitan dengan kuasa mengaudit dan memantau aspek operasi PDRM.
- v) seksyen 13(1)(c) Rang Undang-undang IPCMC 2019 berkaitan penurunan kuasa IPCMC kepada wakil PDRM untuk melaksanakan kuasa dan fungsi IPCMC.
- vi) seksyen 21 Rang Undang-undang IPCMC berkaitan maksud *unreasonableness* yang terlalu luas dan sehingga kini melalui pelbagai kes *law* ia masih tidak mendapat memberi satu definisi yang tepat, maka ia tidak sesuai dijadikan sebagai satu elemen di bawah skop salah laku.
- vi) seksyen 22(2) Rang Undang-undang IPCMC 2019 iaitu pengecualian definisi salah laku *administrative* di bawah seksyen 96 dan seksyen 97, Akta Polis.
- vii) seksyen 24(1) Rang Undang-undang IPCMC 2019 berkaitan penerimaan aduan bertulis yang dialamatkan kepada IPCMC dan pemakaian seksyen 28 Rang Undang-undang IPCMC 2019, di mana pengadu harus dimaklumkan status aduan selepas selesai siasatan salah laku yang dijalankan.
- viii) seksyen 26 dan seksyen 27 Rang Undang-undang IPCMC 2019 berkaitan pendedahan maklumat dan dokumen berperingkat semasa siasatan aduan salah laku.
- x) seksyen 31(4) Rang Undang-undang IPCMC 2019 berkaitan lembaga tata tertib khas bagi mengendalikan aduan salah laku terhadap Ketua Polis Negara.
- xi) seksyen 32(3) Rang Undang-undang IPCMC 2019 berkaitan tempoh masa yang ditakrifkan sebagai *expeditious* dalam menangani prosedur tata tertib.
- xii) isu berkaitan surat layang dan PDRM memohon agar semua aduan yang diterima perlu mempunyai butiran pengadu yang lengkap.
- xiii) peraturan dan mekanisme yang akan digunakan dalam pelaksanaan Fasal 24 dan Fasal 25(b) dan Fasal 28(2)(b).
- xiv) peruntukan hukuman adalah tidak sepadan dengan kesalahan salah laku iaitu penjara dua tahun ataupun tiga tahun dan denda sebanyak RM10,000. Cadangan PDRM, kegagalan mematuhi arahan suruhanjaya boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 174, Kanun Keseksaan.
- xv) peruntukan *Bills of Rights* yang mengandungi 10 klausa melindungi hak Perlembagaan, pegawai dan anggota polis sebagai satu bab dalam Rang Undang-undang IPCMC 2019.
- xvi) ketidakperluan kuasa di bawah Kanun Prosedur Jenayah diberikan kepada IPCMC untuk menyiasat kes kematian di dalam tahanan polis kerana peruntukan

Perkara 140, Perlembagaan Persekutuan tidak memberi kuasa kepada IPCMC untuk menyiasat kes yang mempunyai unsur jenayah.

Ini adalah enam belas perkara yang kita masih lagi menunggu dan belum jelas dan perlu satu pen-*detail*-an yang dapat menyelesaikan beberapa perkara yang telah dibangkitkan tadi. Seterusnya, skop salah laku dalam klausa 22 iaitu salah laku telah diletakkan di sini berhubung dengan tindakan yang tidak wajar, berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis, tidak munasabah, tidak adil, menindas atau diskriminasi dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan atau pertimbangan tidak berkaitan, gagal mengikuti kaedah dan tatacara operasi standard polis dan terlibat dalam apa-apa kesalahan jenayah. Ini merupakan skop salah laku yang telah dimasukkan di dalam rang undang-undang ini.

■1540

Interpretasi yang terlalu luas akan memerangkap polis kepada aduan salah laku yang di luar kawalan dan mengakibatkan berlaku salah guna kuasa dan interpretasi yang lemah dan salah. Anggota PDRM semasa menjalankan tugas dalam keadaan tertentu akan menggunakan kuasa budi bicara kerana pertimbangan beliau adalah wajar sama ada mengambil tindakan atau tidak.

Begitu juga dalam keadaan kes yang lebih serius apabila melibatkan soal berkaitan dengan pertimbangan sama ada untuk melepaskan tembakan atau tidak. Semua ini melibatkan penilaian pada saat dan ketika berada pada situasi tersebut dan dalam keadaan kritikal, seorang anggota polis perlu membuat keputusan se pantas dan sekelip mata, apatah lagi melibatkan ancaman nyawa kepada dirinya dan orang awam. Apa sahaja keputusan yang dibuat dan apa sahaja tindakan akan membuka ruang kepada ketidakpuasan hati. Peruntukan dalam klausa 22 ini menimbulkan sesuatu suasana yang tidak stabil dan sukar kepada anggota polis semasa menjalankan tugas. Begitu juga dalam keadaan pematuhan kepada SOP hendak dilihat dalam perspektif yang lebih luas.

Seterusnya berhubung dengan aduan yang perlu dibuat secara bertulis dan juga aduan yang didapati melalui *Facebook* dan sebagainya. Kami berpandangan suatu aduan perlu dibuat secara bertulis dan mengabaikan aduan-aduan liar meskipun ada asas dan kebenarannya. Kita perlu mendidik masyarakat untuk ikhlas dalam menyatakan kebenaran dan tidak bersikap baling batu, sembunyi tangan. Malah, mereka yang membuat aduan dilindungi oleh undang-undang di bawah seksyen 6, *Whistleblower Act*. Seandainya perkara ini ingin dilaksanakan juga, maka sewajarnya prinsip yang sama dilaksanakan agensi penguat kuasa yang lain dalam aplikasi Akta SIAP yang telah dilaksanakan ketika ini.

Seterusnya ketidakupayaan IPCMC untuk menjalankan tugas. Perkara ini akan diselesaikan ataupun jalan keluar ialah dengan cara penurunan kuasa sebagaimana dalam klausa 13 RUU IPCMC. Sekiranya ini berlaku, maka pertama, kedudukan kembali kepada asal kawalan tatatertib diserahkan kepada PDRM dan IPCMC hanya berperanan sebagai *oversight body* bagi melihat kes-kes tertentu sahaja. Kedua, menggambarkan kepada tiada keperluan kawalan disiplin untuk diambil alih daripada SPA apatah lagi kuasa menghukum. Semakan kehakiman. Semakan kehakiman yang boleh dilaksanakan kepada mereka yang telah diputuskan terhadap hukuman tertentu. Perkara ini akan mengakibatkan bebanan kepada anggota polis yang perlu mengeluarkan belanja untuk melantik peguam dan sebagainya yang kemungkinan kesalahan hanya membawa kepada amaran sahaja.

Seterusnya peranan JIPS. JIPS ditubuhkan pada 2014 berikutan arahan kerajaan untuk diwujudkan satu jabatan dalam hal ehwal kawalan disiplin pegawai awam di jabatan-jabatan dalam perkhidmatan awam. Sebelum 2014, peranan kawalan disiplin adalah di bawah tanggungjawab Urus setia Ketua Polis Negara Bahagian Tatatertib. Sebagai agensi uniform, disiplin merupakan teras utama kepada PDRM dan memiliki kawalan disiplin yang tersendiri berbanding lain-lain penjawat awam. Oleh yang demikian, perkara berkaitan dengan disiplin menjadi salah satu keutamaan dan tanpa kawalan yang ketat, PDRM tidak dapat berfungsi.

Statistik bagi tempoh lima tahun iaitu 2014 sehingga 2019 menunjukkan jumlah kertas siasatan tatatertib yang dibuka berjumlah 14,310 dan siasatan lain sebanyak 12,735 yang membawa jumlah sebanyak 27,045 kes. Daripada jumlah tersebut, seramai 308 pegawai dan anggota telah diambil tindakan buang kerja dan 169 diturunkan pangkat. Keadaan ini menunjukkan betapa seriusnya PDRM untuk memastikan integriti sentiasa dipertingkatkan dan JIPS telah memainkan peranan yang sewajarnya dalam menangani isu disiplin. Tindakan ini bukan sahaja terhad kepada hukuman, malah program kaunseling, kesedaran, pemulihan melalui pelbagai kaedah telah, sedang dan akan diadakan malah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Tindakan ini di terjemah apabila diwujudkan Bahagian Agama dan Kaunseling iaitu BAKA bagi memastikan program berjalan dengan baik dan mencapai objektif.

Namun harus diingat bahawa baka yang ada dalam PDRM merupakan— saya merujuk baka ini ialah gen yang ada dalam PDRM merupakan mereka yang lahir daripada masyarakat Malaysia yang berhadapan dengan pelbagai latar belakang dan masalah sosial. Ini isu yang dihadapi bukan sahaja kepada agensi PDRM, malah semua agensi kerajaan dan swasta. Oleh sebab itu kita lihat pelbagai masalah-masalah sosial dan jenayah berlaku dan menunjukkan peningkatan. Oleh yang demikian kami berpandangan bahawa peranan kerajaan dan masyarakat amat penting memastikan segala bentuk program dan inisiatif perlu diadakan bagi membentuk

masyarakat Malaysia yang berdisiplin dan bertamadun. Adalah sukar hanya diletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada polis yang hanya bertindak sebagai agensi penguat kuasa dalam aspek pelakuan jenayah.

Jadi itu, saya sebagai mewakili warga PDRM ingin menyampaikan suara keseluruhan warga PDRM untuk perkara-perkara berikut:

- (i) pendirian PDRM dan juga pendirian persatuan ialah tidak berkompromi dengan salah laku dan menyokong sebarang usaha untuk mempertingkatkan integriti tetapi tidak setuju dengan kaedah dan pendekatan mewujudkan IPCMC;
- (ii) menyeru kerajaan untuk menarik kembali pembentangan RUU IPCMC seterusnya tidak merealisasikan IPCMC;
- (iii) mengekalkan status Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) atau EAIC yang berperanan terhadap semua agensi penguat kuasa supaya memberi lebih manfaat kepada rakyat dan negara dengan tidak memberi tumpuan khusus kepada Polis Diraja Malaysia sahaja;
- (iv) peranan dan tanggungjawab SIAP perlu diperkukuhkan kerana menjamin prestasi yang lebih cemerlang dan efektif dan bukan dengan cara menubuhkan IPCMC dan ombudsman; dan
- (v) Memperkasakan JIPS PDRM dalam usaha menangani isu salah laku kerana PDRM lebih memahami masalah dalaman dan dalam masa yang sama tidak menghalang kewujudan badan atau agensi luar sebagai pemantau.

Menekankan usaha pembaharuan *reform* dalam pengurusan PDRM dalam pelbagai aspek keperluan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Selain itu pihak kami mencadangkan agar perkhidmatan PDRM dapat disemak semula dengan mengambil kira perkara berikut:

- (i) mengiktiraf perkhidmatan khas iaitu *special service* dan meletakkan PDRM dalam satu kementerian yang khusus;
- (ii) memperkasakan penyiasatan;
- (iii) mempertingkatkan dan mengambil serius perkara berkaitan kelengkapan dan keperluan logistik;
- (iv) menyediakan kemudahan rumah dan kuarters yang sesuai dan selesa; dan
- (v) memperkasakan undang-undang berkaitan dengan kepolisan.

Jika dilihat dalam pelbagai aspek ini, maka PDRM dapat meningkatkan integriti penyampaian perkhidmatan kerana undang-undang sahaja belum menjamin dapat menurunkan kadar jenayah. Perkara ini saya suka merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh *Yik Koon; International Journal of Police Science and Management* iaitu '*The Royal Malaysian police has got its strategy wrong: Laws alone do not bring down crime rate*'. Kami memohon agar diperhalusi 125 cadangan RCI dan manifesto Pakatan Harapan supaya mencapai objektif sebenar penubuhan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia iaitu RCI. Tuan Pengerusi, itu sahaja perkara-perkara yang ingin saya ketengahkan di sini berhubung dengan alasan kita untuk memohon supaya IPCMC dipertimbangkan untuk tidak dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih tuan. Saya cadangkan agar kami mendengar semua dahulu sebelum kita menimbulkan apa-apa soalan. *I think*, dan itu akan menjimatkan masa. So, dengan tidak melengahkan masa lagi, boleh saya jemput speaker yang seterusnya iaitu dari Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian B, Inspektor Suhaimi Hashim...

Datuk Roosme binti Hamzah: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*
[Mencelah] And also DSP Koo Boon Kuat.

Tuan Pengerusi: ...Dan DSP Koo Boon Kuat. *Is that correct?*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Suhaimi Hashim and DSP Koo Boon Kuat.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

■ 1550

Tuan Pengerusi: Selamat petang saya ucapkan kepada Inspektor Sohaimi Hashim dan DSP Koo Boon Kuat. Kedua-duanya dari Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'B'. Adakah kedua-dua akan berucap *or* satu per satu? Saya ingat untuk menjimatkan masa, sekiranya kami boleh menghadkan masa kepada masa 20 minit. Sekiranya tuan dapat meng-*highlight*-kan isu-isu utama ataupun poin-poin yang tuan hendak menitikberatkan, jadi kami boleh mempertimbangkan. Oleh kerana kami juga berbesar hati sekiranya tuan dapat membekalkan kepada kami *submission* ataupun teks bertulis tuan selepas ini untuk pertimbangan kami selanjutnya secara lebih mendalam. So, untuk sekarang mungkin untuk menjimatkan masa, kita boleh menumpukan perhatian kepada poin-poin yang *salient* dalam masa 20 minit. *Is that okay?* Silakan.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Introduce yourself ya, okay.*

Insp. Sohaimi bin Hashim [Presiden (Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian 'B')]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Yang dihormati

Tuan Pengerusi, yang dihormati Ahli-ahli Yang Berhormat, yang dihormati Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan. Terlebih dahulu bersyukur kita ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya bagi saya, saya dapat berada dalam bangunan yang penuh bersejarah ini, walaupun bukan berada dalam Dewan Parlimen bersidang. Akan tetapi ini adalah satu *moment* bersejarah bagi saya sebagai penjawat awam. Terlebih dahulu, izinkan saya memperkenalkan diri, Tuan Pengerusi. Saya Inspektor Sohaimi bin Hashim, merangkap Pengerusi Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor. Saya diberi mandat mewakili Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor dalam sesi konsultasi ini. Terlebih dahulu, dengan rendah diri saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan, khususnya kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 kerana menjemput persatuan-persatuan pegawai polis dalam sesi konsultasi berhubung penubuhan Rang Undang-undang IPCMC ini.

Seperti mana yang termaktub di dalam seksyen 93, Akta Polis yang membolehkan pegawai-pegawai polis menimbang dan membawa kepada perhatian kerajaan, semua perkara yang melibatkan kebajikan dan kecekapan mereka termasuk gaji, pencen dan syarat-syarat perkhidmatan selain daripada soalan-soalan yang melibatkan kenaikan pangkat, individu dan disiplin suatu persatuan atau lebih boleh ditubuhkan. Untuk makluman Tuan Pengerusi serta Ahli Mesyuarat, keahlian inspektor seluruh Malaysia adalah seramai 7,709 orang yang terdiri daripada Inspektor dan Inspektor percubaan. Kami berdiri teguh di belakang yang dihormati Ketua Polis Negara serta pucuk pimpinan pasukan dan menyanjung tinggi usaha kerajaan dalam usaha meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap agensi penguatkuasaan iaitu PDRM. Seperti mana matlamat utama pertubuhan IPCMC iaitu satu daripada 125 cadangan yang dikemukakan oleh ahli Suruhanjaya Diraja RCI yang ditubuhkan pada 18 April 2005 adalah untuk mengendalikan siasatan terhadap sebarang laporan membabitkan penyalahgunaan kuasa polis.

Tuan Pengerusi dan Ahli Mesyuarat sekalian, PDRM mempunyai 16 peringkat pangkat yang dibahagikan kepada dua kategori. Kumpulan pegawai kanan polis bermula dari pangkat Inspector sehingga Inspector General Police (IGP) dan kumpulan pegawai rendah polis dan konstabel. Pegawai kanan polis berpangkat Inspektor merupakan kumpulan pelaksana pegawai kanan yang terendah dalam *ranking* pegawai kanan polis. Tanggungjawab Inspektor dalam pasukan polis adalah amat besar dan penting dalam merancang dan mengukuhkan keupayaan siasatan, kecekapan bertindak dalam menangani jenayah yang canggih, membuat keputusan yang cepat dan tepat serta menyelia anggota bawahannya. Antara tugas Inspektor polis adalah seperti pegawai penyiasat kanan, pegawai penyiasat, pegawai risikan, ketua polis balai, platun komander, ketua cawangan unit, ketua operasi dan lain-lain. Tiada jawatan selepas Inspektor

dan tiada hukuman turun pangkat ke atas Inspektor kecuali hukuman buang kerja. Oleh itu, PPKP ataupun Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor berpandangan Rang Undang-undang IPCMC ini haruslah melihat di dalam ruang lingkup yang luas sebelum dilaksanakan demi memastikan hak dan kebajikan ahli-ahli Inspektor itu terpelihara.

Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor bersetuju dengan pandangan yang dihormati Tuan Presiden kami, namun kami akan menambahkan sedikit beberapa isu. Seperti mana yang kita sedia maklum, cadangan kerajaan untuk menubuhkan IPCMC ini telah dipertuturkan di peringkat Parlimen, NGO-NGO, pihak barisan pembangkang, pegawai dan anggota PDRM itu sendiri dan masyarakat umum. Dalam perdebatan Rang Undang-undang IPCMC ini, pihak kerajaan telah mencungkil beberapa kelemahan dari segi tanggungjawab, etika kerja, prosedur kerja, struktur organisasi, agihan dan pembangunan sumber manusia yang pada pendapat mereka dapat menambahbaikkan dan memodenkan PDRM. Hasil daripada penelitian dan kajian segenap aspek Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor mendapati draf undang-undang ini masih tidak sempurna dan tidak boleh dimuktamadkan pelaksanaannya buat masa ini. Antara kepincangan yang jelas terlihat di dalam draf undang-undang ini ialah yang pertama fungsi-fungsi, kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada IPCMC begitu luas dan tidak terhad.

Secara amnya, kuasa-kuasa dan peranan ahli-ahli Suruhanjaya IPCMC ini dilihat begitu luas dan tidak terhad kepada menerima pengaduan fungsi menyiasat, membuat tuduhan, malah boleh menghukum pegawai-pegawai polis yang terlibat dalam gejala rasuah, salah guna kuasa, malah merangkumi bidang kuasa yang lebih luas seperti soal-soal disiplin, tatakerja kepolisian. Dalam menjatuhkan hukuman, tertuduh boleh merayu, namun hukuman tetap diputuskan oleh ahli-ahli suruhanjaya. Seperti mana di dalam seksyen 33, Rang Undang-undang IPCMC. Perkara 1.2, kuasa-kuasa yang diberikan kepada IPCMC ini telah membatasi imuniti beberapa akta lain seperti Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Keterangan 1950 dan Akta Kanun Acara Jenayah 1976. Perkara 1.3, IPCMC bukan sahaja menghakis dan menghilangkan serta fungsi-fungsi Menteri Dalam Negeri (MDN), Ketua Polis Negara (KPN), Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KSU) yang telah dijamin di bawah Perkara 140(3) Perlembagaan Persekutuan sebagai SPP berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, begitu juga dengan Akta Polis serta perintah tetap KPN.

Penubuhan IPCMC ini bukan sahaja menyekat peranan dan fungsi SPP, KPN dan JIPS, malah akan mengambil alih keseluruhan kuasa kawalan tertib ke atas warga PDRM. SPP, KPN dan JIPS akan dilihat tidak relevan dan hilang fungsi utama *command and control*, dengan izin, ke atas semua pegawai polis dalam mengekalkan kawalan tatatertib di bawah bidang kuasa SPP

seperti mana termaktub di dalam aspek kawalan salah laku tatatertib seperti di dalam Perkara 135(1) sekatan mengenai buang kerja dan penurunan pangkat, Perkara 140(1) fungsi dan aktiviti utama SPP, Perkara 140(3) ahli-ahli SPP dan seperti mana yang dinyatakan oleh Tuan Presiden sebentar tadi. Nombor dua, berlaku ketirisan maklumat keselamatan negara tanpa kawalan. Pada pandangan kami, suruhanjaya ini diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan bukti-bukti dalam dokumen, pemintasan komunikasi telefon, internet, pos serta memasuki mana-mana premis dan menggeledah tanpa waran seperti mana dinyatakan dalam Rang Undang-undang IPCMC Perkara 29(3).

■1600

Perkara 2.2. IPCMC merupakan badan bebas dan ahli dilantik di kalangan orang awam yang diberi kuasa untuk mengakses maklumat dan rahsia kerajaan yang boleh berlaku ketirisan maklumat tanpa kawalan. Selain itu, kuasa memantau, menyelidiki, meneliti, risikan dan menyusuri melalui fizikal mahupun sistem perhubungan media termasuk internet seperti mana yang saya nyatakan tadi. Ia dikategorikan sebagai rahsia besar pun boleh diambil ataupun diperoleh Suruhanjaya IPCMC. Amalan ini saya rasa tidak pernah berlaku di mana-mana negara maju sekalipun yang membolehkan maklumat sulit kerajaan, data dan fail-fail agensi keselamatan diperiksa atau dibawa keluar oleh satu agensi lain.

Ketiga, kesempatan oleh pihak berkepentingan. Melalui IPCMC, Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor berpandangan pihak-pihak berkepentingan akan mengambil kesempatan untuk membuat tohmahan dan aduan yang tidak berasas bagi menjejaskan imej dan integriti PDRM termasuk membatalkan Undang-undang Pencegahan Jenayah atau Keganasan seperti SOSMA dan sebagainya. Ketiga, penjenayah akan bermaharajalela dan melakukan aktiviti jenayah tanpa menghiraukan tindakan undang-undang seperti mana yang termaktub dalam Rang Undang-undang IPCMC di bawah seksyen 37 dan seksyen 38. Penjenayah akan menggunakan IPCMC sebagai alat melemahkan pasukan polis. Keempat, menjadikan PDRM sebagai eksperimen. Persoalan utama daripada saya, apakah atau adakah pasukan polis ini telah mencapai tahap disiplin yang paling teruk dan memerlukan badan pemantau luar yang lain untuk memantau disiplin pegawai polis sehingga perlunya menubuhkan IPCMC? IPCMC hanya menjurus kepada PDRM dan tidak melibatkan 21 agensi penguat kuasa yang lain seperti mana Suruhanjaya SIAP. Ini tidak menyeluruh dan menjadikan PDRM sebagai eksperimen seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Dihormati Tan Sri Abu Kassim, Ketua Pengarah GIACC.

Perkara 4.2. Penubuhan IPCMC ini dilihat didasarkan propaganda pihak-pihak yang berkepentingan untuk menyekat dan menghilangkan kuasa-kuasa PDRM. Sekiranya IPCMC ini dibuat hanya ke atas PDRM tanpa melibatkan agensi-agensi lain, kami merasakan ia

memberikan persepsi yang tidak baik oleh agensi penguat kuasa lain. PDRM tidak akan dianggap peneraju utama penguat kuasa di Malaysia dan diberikan *rating* yang paling rendah. PDRM akan dijadikan bahan eksperimen tanpa melalui kajian dan penyelidikan lanjutan dan hanya semata-mata berdasarkan aduan dan tohmahan serta salah laku pegawai yang tidak berasas.

Kelima, melaksanakan tugas rela dan suci. Dengan kewujudan IPCMC ini, pegawai polis di lapangan akan bertugas dalam situasi *play safe* dan tertekan kerana dibimbangi dengan tohmahan, melanggar prosedur dan peraturan yang mungkin diambil tindakan oleh IPCMC untuk menjalankan siasatan tertib. Ini memberi kesan yang amat serius atas isu keselamatan negara yang dipertanggungjawabkan ke atas PDRM. Dengan tekanan beban kerja serta isu peribadi individu atau kumpulan, ia mampu mencetuskan situasi yang tidak diingini berlaku. Perlakuan melaksanakan tugas tanpa rela dan suci hati akan menyebabkan kadar jenayah meningkat kerana pelaksanaan undang-undang tidak melaksanakan perkara yang sepatutnya.

Sekiranya hak-hak pegawai polis ini tidak dijaga, terjamin atau tidak dipelihara, kami takut penjawat awam akan menyokong pihak pembangkang. Seperti mana saya ambil contoh kejadian PRU kecil di Semenyih, Cameron Highlands dan Rembau. Saya mengambil contoh juga, sekiranya – ini pandangan peribadi saya, sekiranya kebajikan ataupun hak mereka tidak dijaga, akan berlaku bukan sahaja pengamalan tugas secara *play safe* tetapi berlaku pemboikotan tugas ataupun berlaku rusuhan yang mana saya ambil contoh yang berlaku di Paris baru-baru ini akibat kebajikan ataupun status kerja yang tidak terjamin. Cadangan penambahbaikan Rang Undang-undang IPCMC ini. Keanggotaan IPCMC harus terdiri daripada individu berkelayakan khususnya bekas hakim Mahkamah Tinggi bagi jawatan pengerusi dan timbalan. Manakala ahli-ahli lain merangkumi pelbagai latar belakang termasuk dari bekas ketua-ketua polis negara yang mempunyai pengalaman yang luas dalam dunia kepolisan.

Kedua, kata putus pelantikan anggota IPCMC adalah budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet selain mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Sebaik nama yang dicadangkan sebagai ahli perlu dipaparkan kepada awam bagi memberi laluan terhadap sebarang bantahan serta saringan. Ketiga, bagi memastikan wujud sistem semak dan imbang, setiap laporan IPCMC mengenai salah laku anggota polis wajar dijadikan dokumen awam. Ia haruslah disiasat dan disemak dengan teliti dan adil oleh Suruhanjaya IPCMC. Keempat, menyentuh polemik perundangan pula, penggubal dan pembuat draf Rang Undang-undang IPCMC perlulah melibatkan Jawatankuasa Perundangan PDRM yang dilantik agar cadangan-cadangan yang bakal dilaksanakan, dipercayai tidak akan menjejaskan peranan dan kuasa polis dalam menentukan kestabilan serta keharmonian negara tanpa

mengetepikan hak warga PDRM sebagai pasukan keselamatan negara serta sebagai rakyat Malaysia.

Sebaliknya, untuk menunggu Rang Undang-undang IPCMC ini berdiri dengan teguh dan sempurna serta mampu melaksanakan objektif penubuhannya, persatuan mencadangkan mekanisme Suruhanjaya Pasukan Polis Diraja (SPP) perlu diperkukuhkan dahulu, perlu dimantapkan lagi dengan memberi kemampuan untuk bertindak bagi memenuhi keperluan dan kehendak kerajaan. Kesimpulannya Yang Dihormati Tuan Pengerusi, IPCMC yang cuma difokuskan terhadap PDRM dilihat tidak berapa realistik untuk diimplementasikan buat masa ini. Dalam konteks negara kita yang di kata mengamalkan sistem demokrasi dipimpin dengan meletakkan martabat dan hak asasi di tempat dan sama-rata untuk semua, maka adalah perlu suara anggota polis juga turut didengar bagi menilai hak dan masalah kami.

Hasil daripada penelitian dan kajian segenap aspek, Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor mendapati dan menyuarakan pandangan bahawa draf rang undang-undang ini masih tidak sempurna dan tidak boleh dimuktamadkan pelaksanaannya buat masa ini. Persatuan bersetuju dengan menyatakan pendirian bahawa ketidaktepatan mengimplementasikan Rang Undang-undang IPCMC akibat banyak kelompangan dan kekurangan yang perlu diperhalusi dan perlu dibuat kajian secara holistik dan menyeluruh dalam segenap sudut. Undang-undang bukanlah segala-galanya, kejujuran, keikhlasan, amanah dan bertolak ansur adalah janji kepada kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Inspektor Suhaimi. Seperti yang telah pun saya cadangkan tadi, semua soalan sekiranya ada akan dibentangkan selepas semua speaker habiskan dengan ucapan mereka. Saya menjemput speaker seterusnya iaitu dari Persatuan Pegawai Rendah Polis (PPRP). Ada dua wakil iaitu Sub Inspektor Norraji bin Rojjo iaitu presiden persatuan tersebut dan juga Mohd Isa bin Jimbok.

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Selamat datang. Saya mengalu-alukan Sub Inspektor Norraji bin Rojjo dan juga Mohd Isa bin Haji Jimbok. Kedua-duanya wakil dari Persatuan Pegawai Rendah Polis (PPRP). Jadi, adakah kedua-dua akan memberi ucapan atau satu?

Sub Insp. Norraji bin Rojjo [Presiden (Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja)]:
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Okey. Sekiranya seperti yang saya telah pun maklum kepada speaker-speaker lain, sekiranya kita boleh menumpukan perhatian kepada poin-poin yang utama dan menghadkan ucapan kepada 20 minit.

■1610

Oleh kerana selepas itu kita akan juga mendapat *submission* ataupun hujahan tuan untuk dipertimbangkan secara lebih mendalam. Jadi dengan itu, saya menjemput Sub Inspektor untuk memulakan dengan ucapan. Silakan.

Sub Insp. Norraji bin Rojjo: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Selamat petang. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Saya mewakili Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia, di mana keahlian pada masa ini lebih kurang 100,100 orang. Dalam isu Rang Undang-undang IPCMC, saya tidak menyentuh tentang draf rang undang-undang itu sendiri. Kami sebagai kumpulan barisan hadapan iaitu kumpulan pelaksana, melihat bahawa pelaksanaan IPCMC ini sendiri dilihat boleh melemahkan semangat setia kawan, semangat untuk bertugas. Walaupun kita lihat ada beberapa perkara yang kita tidak nafikan, berlaku salah laku yang dilakukan oleh pegawai rendah polis, khususnya dalam kumpulan pelaksana.

Cuma ingin saya nyatakan di sini bahawa yang pertama, kami ingin bertanya, apakah penandaarasan tentang mewujudkan IPCMC sendiri? Kalau dilihat, dimaklumkan mengikut dengan negara maju. Kami nak tahu bagaimana penjagaan dari segi perkhidmatan, kebajikan dan lain-lain negara maju tersebut, hingga mereka ada badan luar yang bukan daripada polis untuk memantau salah laku, berbanding dengan apa yang kami terima pada masa kini, khususnya isu-isu yang berkaitan dengan logistik, perumahan dan lain-lain. Ini tidak memberi keseimbangan di antara tugas yang kami laksanakan dengan kawalan yang dikawal oleh badan luar.

Jadi di sini, kami ingin memohon supaya pelaksanaan IPCMC ini hendaklah dilaksanakan dengan seimbang, harus mengambil kira kesusahan kami dalam melaksanakan tugas. Untuk makluman Yang Berhormat, kami melaksanakan tugas dalam keadaan yang serba kekurangan. Walau bagaimanapun, kalau mengikut kajian daripada Peace Global Index, negara kita telah melonjak daripada tangga ke-29 ke tangga 25. Walaupun kami dalam serba kekurangan, khususnya dalam kelengkapan. Untuk makluman Yang Berhormat semua bahawa contoh, kami hanya melaksanakan tugas. Contohnya, kenderaan berusia lebih jangka hayat yang sepatutnya berjumlah 78 peratus. 78 peratus kenderaan kami memang dalam keadaan yang melebihi jangka hayat.

Keduanya, melebihi 60 ke 70 peratus anggota keseluruhannya di bandar-bandar besar ini terpaksa tinggal di rumah luar yang sepatutnya kerajaan menyediakan rumah yang secukupnya. Jadi, apakah yang menjadi penandaarasan? Ketiganya, kita ingin juga tahu, apakah jaminan yang

diberikan oleh kerajaan dengan adanya IPCMC ini boleh menjamin, boleh meningkatkan integriti, boleh memulihkan imej PDRM? Jadi, kami berharap sangat supaya kerajaan mengambil kira kebajikan kami terlebih dahulu. Jika terbukti bahawa masih lagi apabila kebajikan dijaga, masih lagi berlaku, seharusnya kami pun tidak berkompromi dengan anggota pangkat rendah yang melakukan kesalahan-kesalahan salah laku, khususnya kesalahan yang melibatkan imej pasukan sendiri.

Seterusnya, tentang kawalan oleh badan luar ini dilihat satu badan yang— kami mula dibentuk di dalam pasukan polis melalui sistem perintah dan kawalan daripada ketua hingga ke bawah, di mana kami akur, taat dan setia yang mana ketua pun tahu. Akan tetapi di sini kalau dikawal oleh badan luar ini yang mungkin bukan daripada anggota polis yang tidak memahami struktur dalam perintah dan kawalan, ia amat sukar. Oleh sebab kami bukan penjawat awam sepenuhnya. Kami separa *military*, bermakna ada *command*, ada *control* dalam semua aspek, termasuklah disiplin itu sendiri. Jadi, saya berharaplah supaya mengambil kira terlebih dahulu apa juga keupayaan kami, keperitan kami, dalam melaksanakan tugas. Jangan hanya menilai, jangan hanya mengambil contoh salah laku di negara luar sahaja sebagai contoh tanpa mengambil apakah kebajikan mereka, kemudahan mereka yang mereka nikmati dan tidak dinikmati oleh kami pegawai rendah polis. Buat masa ini, itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Sub Inspektor Norraji bin Rojjo. Sekarang saya menjemput speaker ataupun- terdapat empat wakil dari RESPA iaitu Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Pesara Malaysia dan kesemua mereka ada kan?

[Wakil-wakil dari Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Terima kasih kepada— *Are they- the rest speaking? [Disampuk]* Yang Berbahagia Dato' Razali bin Basri, Naib Presiden RESPA. *Is that right?* Saya menjemput Dato' untuk memberi ucapan berkenaan dengan Rang Undang-undang IPCMC ini. Diharapkan boleh dihadkan kepada 20 minit. Mungkin kita boleh menumpukan perhatian kepada poin-poin yang utama.

Dato' Razali bin Basri [Naib Presiden (Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia – RESPA)]: Terima kasih Tuan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, tuan-tuan dan puan-puan, Dato'-Dato' yang saya hormati.

■1620

Sebelum saya memulakan memberikan pandangan, izinkan saya terlebih dahulu memperkenalkan ahli-ahli rombongan saya dari Persatuan Pegawai-pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia atau dalam bahasa Inggerisnya di panggil *Retired Senior Police Officers*

Association of Malaysia (RESPA). Bersama saya ialah Dato' Wong Pui Lam juga Naib Presiden RESPA dan Dato' Ahmad Nadzer bin Nordin, Ahli Jawatankuasa Pengurusan RESPA.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyampaikan pandangan. Akan tetapi terlebih dahulu ingin saya menyatakan bahawa pihak RESPA, pendirian pihak RESPA adalah kita tidak menentang penubuhan badan pemantau polis kerana kita pun percaya bahawa ada kebaikannya jika, dengan izin, *a third pair of eyes* untuk melihat mengenai perjalanan Pasukan Polis Diraja Malaysia. Akan tetapi apa yang mencurigakan kami dan juga boleh membimbangkan adalah dalam konteks rang undang-undang yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat ini kita mendapati ada proviso-proviso di mana kita berpandangan bahawa ia mungkin menjadi tidak berperlembagaan dan ada juga isu-isu undang-undang. Pihak RESPA kemudian akan menyampaikan pandangan secara umum.

Tuan Pengerusi, RESPA sebenarnya telah dengan izin, *consistent* dalam pandangan kami kerana pada 27 Jun 2019 kita telah dijemput oleh pihak GIACC dan kita telah memberi pandangan kita. Pada masa itu belum adapun draf rang undang-undang IPCMC ini. Pada ketika itu kita memberi pandangan berdasarkan Rang Undang-undang IPCMC Tahun 2005. Jadi oleh sebab itulah satu-satunya rujukan, jadi kami mendirikan pandangan-pandangan kami terhadap kandungan rang undang-undang tersebut. Keduanya, pada 26 Ogos RESPA juga telah menerima jemputan dan menghadiri sesi konsultasi dengan Bar Council di Pejabat Majlis Peguam di mana isu-isu yang sama telah juga kita berikan kepada mereka. Turut hadir ketika itu ialah wakil daripada AGC tetapi tidak ada wakil daripada SIAP dan GIACC. Terakhir Tuan pengerusi pada 20 September 2019 di Maktab Polis Cheras kita juga telah menyampaikan pandangan kepada barisan yang diketuai sendiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong, alasan yang sama.

Yang Berhormat, sebelum saya pergi kepada substantif isu, izinkan saya menyatakan di sini apakah kepentingan RESPA di dalam rang undang-undang ini. Tiga perkara besar Yang Berhormat. Pertama, dalam IPCMC Bill 2005 iaitu rang undang-undang asal, ia ada memberi interpretasi di seksyen 2 mengenai *retired officers*. Dalam kandungan IPCMC Bill 2005 itu menyatakan bahawa *commission* IPCMC 2005 itu mempunyai *jurisdiction* terhadap pegawai-pegawai yang telah bersara. Ini mengejutkan kami kerana di bawah Artikel 140, adalah jelas disebut bahawa *jurisdiction Police Force Commission* hanyalah terjurus kepada *servicing officers*. Jadi bagaimana boleh dibawa pegawai-pegawai yang telah bersara.

Keduanya Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai polis yang bersara mengikut seksyen 51, seksyen 52 dan ke atas, Akta Polis menyatakan mereka ini boleh dimobilisasikan sebagai polis simpanan, *reserved police*. Jadi, apabila pegawai-pegawai yang bersara ini dimobilisasikan, kita

pun hendak tahu juga apakah skim perkhidmatan sama dengan semasa kami memasuki PDRM terdahulu. Kalau sekiranya skim perkhidmatan sekarang ada IPCMC sebagai badan pemantau, dengan keadaan bil semasa ini, jadi saya rasa perkhidmatan itu kuranglah *attractive*. Ketiganya dan yang paling penting kami juga ialah warganegara Malaysia. Jadi undang-undang ini memang kita merasakan ianya perlu kita fahami sama ada ia ada memberi *fair treatment* kepada anggota pasukan polis.

Yang Berhormat, apakah ia substantif isu yang kita bawa selama hari ini yang sama. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 11 September lebih kurang tiga hari dulu, RESPA ada mengeluarkan *press release* mengenai pandangan RESPA terhadap Rang Undang-undang IPCMC 2019. Ia telah diterbitkan oleh *The Star Online* pada hari Sabtu, Yang Berhormat. Jadi pandangan kami itu memang konsisten. Apa *consistency*-nya adalah, nombor satu kita amat mencurigai sama ada rang undang-undang dengan izin, *as framed now or as now framed* berada dalam kotak Artikel 140 itu. Ini kerana pada pandangan kami perkataan yang paling penting di dalam Artikel 140 ini, klausa satu Perkara 140 ini adalah *exercise of disciplinary control* ataupun mengikut terjemahan dalam Perlembagaan Persekutuan, perjalanan kawalan tatatertib. Kami, dengan izin Yang Berhormat, *we agree that Parliament berhak to enact a law under this article. That we concede. We also know there is a proviso which can act as a shield* dengan izin terhadap mana-mana yang dikatakan *inconsistent. That beyond our contention*.

Akan tetapi apa yang kita gusar sedikit Yang Berhormat Tuan Pengerusi adalah perkataan perjalanan kawalan disiplin itu tidak diberi maksud dan tidak di-*interpret*-kan. Jadi, oleh sebab ia tidak diberi terjemahan, ini tidak memberi makna *drafters* rang undang-undang ini boleh menulis *anything and everything into the law, willy-nilly, if I may say that*. Mestilah ada sesuatu sekatan. Apakah sekatan-sekatan itu? Nombor satunya adalah *natural justice*. Kedua, oleh sebab kuasa-kuasa yang diberi kepada IPCMC sebagaimana rang undang-undang ini adakah ia memberi *fair treatment* kepada anggota-anggota polis?

■1630

Let me explain my first part iaitu mengenai *exercise to disciplinary control* ini. Kami amat curiga sama ada kuasa kawalan disiplin ini, *disciplinary control* ini boleh memberi kuasa Criminal Procedure Code kepada ahli-ahli *Commission* semasa menyiasat. Oleh kerana jelas apa yang tertulis di dalam Perkara 140, klausa 1 itu ialah disiplin. *Disciplinary control*. So, bagaimana kita boleh membawa perkara yang *limited to disciplinary control* kepada perkara-perkara siasatan jenayah?

Kedua, walaupun kita *concede* bahawa— akur bahawa Parlimen boleh buat undang-undang tetapi undang-undang yang dibuat oleh Parlimen itu pada pandangan RESPA, juga

terikat kepada Perkara 135, klausa 1 dan Perkara 135, klausa 2, juga Jadual Kesebelas, seksyen 29 yang menyatakan bahawa kuasa untuk mana-mana badan untuk membuang kerja (*dismissal*), badan tersebut mestilah ada kuasa untuk melantik. Jadi, jelas di sini Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Rang Undang-undang IPCMC 2019 ini tidak memberi kuasa kepada mereka untuk melantik. Jadi, jika tidak ada kuasa, mereka tidak boleh mengambil tindakan buang kerja. Ini prinsip undang-undang, Tuan Pengerusi. *You are more than knowledgeable than I am, you know very well. You cannot hire, you do not have concurrent power of hiring. So, hire and fire.*

Mengenai Perkara 135, klausa 2, Tuan Pengerusi. Ini mengenai peluang munasabah untuk seseorang anggota polis itu didengar. *A reasonable rights afforded to him to be heard.* Jadi Tuan Pengerusi, apabila melihat Rang Undang-undang IPCMC 2019 ini, kita percaya ia adalah lebih baik ditambah baik sekiranya perkara yang berkaitan dengan *Article 135(2)* ini dimasukkan ke dalamnya kerana ia adalah satu *substantive rights* yang tertulis dalam Perlembagaan. Sekarang ini, mengikut seksyen 32 dan 33, tidak ada peraturan-peraturan dibuat. Jadi, kita pun menimbulkan isu ini. Walaupun *subsidiary legislation* boleh dibuat kemudian tetapi alangkah baiknya kita diberitahu, anggota-anggota polis yang akan terkesan daripada tindakan *Commission* ini, diberitahu terlebih dahulu *what are you going to face.*

Jadi pada masa sekarang, kita ada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang dengan jelas menunjukkan apa prosedur yang patut diambil apabila seseorang itu hendak diambil tindakan tatatertib. Dalam Rang Undang-undang IPCMC ini tidak ada. Jadi Tuan Pengerusi, adakah adil kepada pegawai-pegawai polis, Dewan ini meluluskan sesuatu yang pegawai-pegawai polis tak tahu? Sebagai analogi Tuan Pengerusi, *you are not going to buy a house if you do not know whether there is doors and windows. That is a simple analogy. Likewise, we are not going to buy a car when we do not know where the wheel will be position.*

Tuan Pengerusi, saya telah selesai mengenai *Article 140* dan *Article 135*. Jadi, saya ingin juga menyatakan di sini bahawa perkara yang dibimbangkan ialah apabila kuasa tatatertib telah dikeluarkan daripada Police Force Commission, *seeded to the commission of IPCMC, SPP and the police force will no longer have any residual power. As you are well aware* Tuan Pengerusi, *the police force is a regimented organisation, where discipline is paramount. If you cannot take action against your subordinate, then it is a lost command and the country will have to pay for it. If you cannot direct and later take action against a recalcitrant Constable or Inspector, please bear in mind. Further, by excluding any serving or retired officer from holding any office with RESPA, you are depriving vast knowledge about discipline when the Commission sits to*

deliberate matters on discipline. I am urging you Tuan Pengerusi, think very carefully. There are 130,000 policemen around, if there is a breakdown in discipline, it is a very, very serious thing. Think about it.

Also Tuan Pengerusi, I am giving you a comparison between SPP and Commission. Just an additional to give. When SPP sat as pihak berkuasa tatatertib, as disciplinary board, there can be a maximum of ten members. The Minister chairs, KSU as secretary, IGP as member, a member from PSD, two— at least two or not more than six. Now, you would have known Tuan Pengerusi, that the Police Force Commission from the days of the old, by Convention, there is a sitting of Federal Court Judge as a member. At the moment, it is the Chief Justice of Malaya. Before this is Tan Sri Apandi. Before that is Tan Sri Suriyadi Halim. These are imminent legal personalities, sitting on the Federal Court bench. So, when this board sat at Disciplinary Committee, they would want to hear what the judge has to say, before somebody is dismissed. Now, please compare to your Commission. I am not saying yours Tuan Pengerusi, minta maaf, but this Commission. Do you think they are equivalent to these board of SPP? I leave it to you, to your better judgement, Tuan Pengerusi. Alright.

Now, I am finished with constitutionary issue. Let me go address some legal issue. Number one. I see that under section 22 of IPCMC Bill, police officers are deemed to be on duty at all times. That is clear under Police Act 1967.

■1640

So, that is why police officer they do not get over time allowance Yang Berhormat, we can work all days and night. Some patrol car, patrol man they work for seven to eight days, on the ninth day baru dapat cuti. It is very difficult for us to get other government department to join us after office hour because kalau tidak ada overtime susah. But we police officer, we work, we cannot claim overtime. There is no such thing overtime. Alright?

So, what I am trying to say here is that subsection 22(1)(c) of the bill, the phrase is “any act or in action which is unreasonable...” Yang Berhormat, you are learned man, you are a criminal lawyer, par excellence. The word “unreasonable”, there is very thick jurisdiction and nobody understand because is it objective or subjective? To add to that, unjust, oppressive, or improperly discriminatory. So, in our considered opinion from RESPA, not from me, this particular section 22(1)(c) ought to be remove. It is because clearly Yang Berhormat, again you are very learned, the law must be clear, the law must be certain and the law must be consistent. The application of the word “unreasonableness” ini land ambiguity, we do not know. Why? It is because Tuan Pengerusi the police is given a wide discretionary power. To shoot or not to shoot, to arrest or not to arrest, to issue summoned or not to issue summoned? Alright? To conduct raid

or not? Now, we cannot have monkey on our back thinking if I do not do, what IPCMC going to say, if I do what the devil will come to me, with – dengan izin. So, this ambiguity ought to be very seriously thought of.

Further Tuan Pengerusi, section 26 in particular, power given to police officer in CPC under section 112. What I mean to say is this, under section 29(3) bring together with section 47 of the current bill, CPC power is given to IPCMC Commission officer to conduct investigation. That means, in addition to the powers that they have, they also have CPC power. When we talk about CPC power, when you record statement from a person, whether he is a suspect or whether he is a witness, we have to tell him, the caution under section 112. Now, he has every right not to answer the question. If it will expose you to fore future and think like that. Now, when you and the officer of the commission investigate disciplinary cases and you use CPC powers there is a distinct line here ought to be drawn. So, I do not know where and how you are going to draw this, alright? Again Tuan Pengerusi, in relation to CPC powers one of the contentions to have one of the reasons why IPCMC ought to be brought in this because there are many custodial deaths. Agreed, but the police as far as I know tidak pernah menyorok, menyembunyikan fakta. Every Parliamentary session ada soalan ini Yang Berhormat dan kita jawab. But, if you look carefully from section 328 to section 341 of the CPC, it is about coroner's court inquest. Then you what I have seen that there are powers given to Attorney General. They can direct the police to conduct inquest at any time even before police investigation is completed.

So, my argument is that what is there to stop every single death in the custody to be brought to court for inquest and supposing, supposing Yang Berhormat that without giving CPC powers, suppose you remove section 47. You have thought, badan mana lagi yang boleh siasat ini? I suggest, you look into SPRM, adakah satu perkara yang SPRM tidak boleh siasat? There are many cases where the SPRM began by investigating under corruption or abuse of power but in the end that person investigated is charged under section 165, civil servant receiving remuneration. So, it can be done. Now, again Yang Berhormat, section 47 also talks about commission power to investigate custodial death. This is very serious and ought to be properly thought out of it. It is because under CPC it is the duty in which the police cannot abdicate death when there is custodial death. The police must investigate, the OCS must investigate. Now, you see the scenario, you are learned criminal lawyer, OCS siasat, body itu dia hantar for postmortem, then he looks for exhibit the cause of the person's death. Kayu kah, rotan kah, rubber hose kah atau apa-apa kah. Suddenly the next day commission officer came, march into the balai and said; "Okay, I am investigating this case." Did you realize what will happen?

First, there will be two parallel investigation. It is not stated here in this current IPCMC Bill, this commission officer investigating what? Is he investigating the cause of death or the negligent of the OCS or the officers, lokap punya koperal kah that cause his death? But any way, even if that he needs exhibit as well. So now, who has in relation to parallel investigation Yang Berhormat? Who has higher right? The police which is under the duty in CPC to conduct investigation or this law which empower commission? It is for this community to think. Another issue that I would like to bring in under the title of legal issue is the punishment, Tuan Pengerusi. Do you thing Tuan Pengerusi it is proper to impose fine and two years' imprisonment for an offense under the procedural law? Just compare ini Tuan Pengerusi, the offense is menghalang penjawat awam menjalankan tugas dia. Or thing for a while, somebody outside there kata polis bodoh. There was one posting yesterday kata anjing. Do you know what is the punishment like? It is investigated under section 14, empat belas, minor offense. We having hearing this for many years and here you put two years, fine.

■1650

For what purpose? I appear before this select committee in 2006 when Datuk Roosme was also the secretary. Why? I was giving evidence on behalf of Police Association. We said, it is not fair for Attorney General to amend section 107, section 110 and section 120 CPC by imposing one-month imprisonment to police officer who failed to carried out instructions from the Attorney General or his officers, DPP. Tan Sri Radzi, the chairman, asked me, why? I said, CPC is a procedural law, Tuan Pengerusi. There is no offence in CPC, except for one section 296, regarding police supervision, who failed to report. Now, you want to amend section 107– so, that is the analogy. I do not know what you called the IPCMC Bill. Is it a procedural law? Is it a criminal law or is it a hybrid? If it is a procedural law, don't put in the offences inside. You can revert to Penal Code. There is an offence of menghalang penjawat awam.

Tuan Pengerusi, I have taken so much of your time. Thank you very much, but before I stop, I want to say this thing. In our press release, we commended the government, the Speaker of Dewan Rakyat and all MPs who are agreeable that this rang undang-undang be referred to select committee. There is a lot of wisdom indeed, Tuan Pengerusi. Just look back what was the last law conceived, produced by select committee. It is called the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985. It is about 34 years ago and the law remains good. Because, it is intended to fight drug trafficking. Until today, most of the preventive laws yang sezaman dengannya are gone, ISA, Emergency Ordinance number 5 1969, RR Enactment, all dead and buried. But this law, remain unmolested. It helps us against trafficking of drugs.

So, your committee Tuan Pengerusi, with the best legal mind, you will produce a good law. RESPA is convinced already. Finally, what is our suggestion? Our suggestion is this, I think we should not create history by producing IPCMC. I stand advice Tuan Pengerusi, but I cannot find similar law in other Commonwealth countries. There is IOPC, there is IPCC. But, never– but, the jurisdiction of this body is not– this IPCMC will create history. Don't forget about the consequences of taking away disciplinary control from IGP. It is something for you to clearly thought out. Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, with all the greatest respect from RESPA, we are confidence that if you don't pursue with IPCMC as it is now, you can actually improve Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP). What is wrong with SIAP? Maybe it is unconstitutional to look after another 20 bodies other than police. But, you look at maybe the working mechanism, you may tweak about the law itself, you may– rather than government wasting a lot more money by creating another agency, why not just strengthen SIAP?

Never forget that we have SPRM. SPRM can investigate all sorts of cases involving abuse of power, including custodial death. If they are not empowered Tuan Pengerusi, think about maybe amending CPC or amending SPRM Act. There is always an option for you. Thank you very much, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Thank you Dato' Razali. I think that was a very insightful and beneficial input from you. We appreciate it. We have heard from all these speakers from the four bodies. As I said earlier, it is open to questions now to all four. Does anybody have any questions? I have a few, but I think if anybody wants to start first or...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Okay. I think I only have a few questions. Of course, Dato' Razali just now, your concern here from my understanding is that the IPCMC would take away the powers that the IGP has now and that would result in a catastrophe. In the day to day handling of the police force, would that be correct? In a nutshell.

Dato' Razali bin Basri: Yes. If you– I mean...

Tuan Pengerusi: I think- can we have the mic on? Because, all these are recorded.

Dato' Razali bin Basri: Tuan Pengerusi, I also talk about constitutional issues and legal issues. If you are asking me about my concern about IGP powers, yes. Very concern.

Tuan Pengerusi: Of course, the constitutionality issue is one issue which is very major. What is your view in a nutshell on its constitutionality of the IPCMC when it becomes law? Would it be something that is challenge, could be challenge or as to its constitutionality?

Dato' Razali bin Basri: Tuan Pengerusi, I don't believe IPCMC will survive attached of disciplinary control if ever it is brought to Superior Court, because of two things. Number one, if

you have power of dismissal, you must have power of hiring. If shove come to push, IPCMC dismiss an officer and he takes to court for a judicial review. I think the issue of disciplinary control will be a major issue. I cannot say whether the Federal Court will say one thing or the other, but I am convinced, because it is written in the Constitution, you cannot fire when you don't have the power to hire. So, on that score, I think it will be unconstitutional once it is operational and action taken to dismiss someone from the police force.

Tuan Pengerusi: *Did you referring to the doctrine of the power to appoint includes the power to dismiss?*

■1700

Dato' Razali bin Basri: *Benar Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *But, does it necessarily follow that the power to dismiss is only vested in the power of the appointee?*

Dato' Razali bin Basri: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *Is that the necessary– does it follow the necessarily?*

Dato' Razali bin Basri: *Yes, in the– RESPA hold that view.*

Tuan Pengerusi: *So, that's why you take the view that it could be successfully challenge constitutionally.*

Dato' Razali bin Basri: *Benar Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *Right. On 135, I think that is what you are referring to, I believe.*

Dato' Razali bin Basri: *135 and also 11th Schedule, section 29.*

Tuan Pengerusi: *You also raised– when you spoke just now, I got some notes here. I think something which is quite interesting on section 47 where you have said that the offences should not be included in the Bill, in this law because it's procedural. Something along the lines or– you do a comparison with the CPC.*

Dato' Razali bin Basri: *Benar Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *If such offences– if they are offences in the first place, if they are taken out from the bill, would that be satisfactory and we fall back on the Penal Code for example, or other laws?*

Dato' Razali bin Basri: *Yes, we can– RESPA can accept that Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *So, what I am trying to get that is this– I think from your input, is this– in your view I think the summary of your view is that it should not be implemented. You said we should not create history. Right?*

Dato' Razali bin Basri: *Benar Yang Berhormat. RESPA takes the position that we – 'we' doesn't mean RESPA, 'we' means the Parliament should not pass this law.*

Tuan Pengerusi: *As it is lah?*

Dato' Razali bin Basri: *As it is.*

Tuan Pengerusi: *If it can be amended or fine tune in a way – you see, we have to look at it from all angles. That's our purpose here. I think the other part of the spectrum is the feeling of police abuse. I think that is something which has come about very strongly especially in the past couple of years, dead in lock ups and false disappearances. I said this yesterday to the other panel. I think that's been the main concern as to why there has been calls for a body to police the police, if that make sense. So, I think that has been the catalyst behind this IPCMC. What are your thoughts on that?*

Dato' Razali bin Basri: *As I said earlier in my introductory, I said RESPA is not against badan pemantau. When we said that, we are referring to SIAP now and also SPRM which continuously take action against police officers involve in abuses of power and corruption. To answer to your direct question, RESPA hold a view that it is not necessary to have IPCMC. Our proposal is that we should – kita patutnya memperkuatkan SIAP dan melihat SPRM, sama ada kekurangan SPRM untuk menyiasat kes-kes yang menjadi kebimbangan Yang Berhormat, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Oleh sebab kita percaya bahawa SPRM boleh menyiasat apa sahaja kes sama ada rasuah atau salah guna kuasa dan banyak kali Yang Berhormat, mereka yang disiasat ini akhirnya bukan dituduh di bawah Akta SPRM, mereka dituduh di bawah Penal Code. Itulah pandangan RESPA, Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *One final question on my part, then I think afterwards we can open to the others. On the possibility of death cases, cases which result in death, lock up and so on, I think there is a duty to investigate and I think that's provided for in law and of course there is option of the inquest. But as we know, not all cases had resulted in an inquest, certain high-profile cases like Kugan for example. If I'm not mistaken that didn't result in an inquest. If I'm not mistaken. Others did.*

Dato' Razali bin Basri: *In respect of Kugan's case Yang Berhormat, I stand advise, corrected. I think because there is criminal charges...*

Tuan Pengerusi: *I think two police officers or three police officers were eventually charged for manslaughter. But what I'm saying is you see – when it comes to the investigation of the conduct, like for example other cases that have been inquest like Adib's case, Teoh Beng Hock and so on. So, that those cases result in an inquest came about before anybody was charged and I think the urgency of the matter is paramount. Isn't it because I think that's the purpose – one of the main reason of having the IPCMC, so that, the necessary investigation can be taken immediately or as soon as practicable. So, like for example if we are going to wait for*

somebody to be charged like in Kugan's case, or for an inquest to be recommended by the AG, that might take time by which time evidence might dissipate. So, with the IPCMC you will have the option of – I think there are two or three categories which has been identified in the IPCMC which requires – I think death in lock-up is one of them, which requires – which give them the power of CPC powers for example.

So, in other words you have this body, the IPCMC body which is able to immediately looked into such serious cases as opposed to it being left into the hands of the AG or other parties to make a decision as to whether to charge or to order an inquest. Do you know things that is beneficial when it comes to serious cases such as death in lock-up and so on?

Dato' Razali bin Basri: Yang Berhormat, saya nak jawab dua. Saya nak bagi jawapan saya ni *A and B*. A Yang Berhormat, RESPA sebenarnya tidak bersetuju kuasa-kuasa CPC diberi kepada IPCMC. Jadi, bila tidak ada kuasa siasatan, di bawah CPC diberikan kepada IPCMC, maka dia tidak boleh menyiasat kes-kes kematian dalam lokap. *That is the precision*. Bagi jawapan kepada B pula, saya ingin menjawab begini. Pada pandangan pihak RESPA, kalaulah satu badan pemantau itu hendak digunakan bagi menyiasat kes-kes kematian dalam lokap seperti ini, kenapa perlu kah satu badan lain dicipta? Ini kerana kita dah ada badan SIAP ini. Kalau SIAP ini kekurangan kuasa, kenapa tidak diberi kuasa kepada SIAP?

Tuan Pengerusi: RESPA punya pendirian adalah SIAP perlu diperkukuhkan lah. Itu pendirian RESPA. *Okay, I think itu lah – that's all question I have. If there is any other question, please feel free to–* Yang Berhormat Kampar *please*.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: *Yes, Mr. Chairman.* Tuan Pengerusi, terima kasih. Dato' Razali, *my question to you is* pada pandangan RESPA adalah baru sahaja dinyatakan, SIAP boleh diperkukuhkan. Sejauh mana kuasa boleh diperkukuhkan untuk SIAP? *Bear in mind that the problem* yang dihadapi oleh SIAP. *So, in RESPA's view, to what extent you think that the powers of SIAP can be enhanced in terms of disciplinary control?*

Dato' Razali bin Basri: Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kampar. RESPA berpandangan bahawa kuasa-kuasa untuk menyiasat salah laku oleh anggota polis ini, selama hari ini pun boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai SIAP dan pegawai-pegawai dari Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard. Saya- bukan sayalah. RESPA menzahirkan keraguan, benarkah ada masalah untuk menyiasat kes-kes berbentuk– kes-kes kesalahan disiplin ini? Oleh sebab mengikut Perintah Am (Kelakuan dan Tatatertib), kuasa-kuasa di situ memang sudah ada untuk memanggil saksi, merakamkan percakapan dan mengemukakan cadangan. Cuma, SIAP yang tidak ada adalah ia tidak ada kuasa untuk menjatuhkan hukuman, Yang Berhormat. Kalau komiti ini ingin mencadangkan supaya SIAP ini diberi kuasa untuk

menjatuhkan hukuman, isu yang sama akan timbul sebab SIAP juga tidak boleh untuk– *they don't have the power to appoint, hence they cannot fire someone.*

Dr. Su Keong Siong: *That is why– sorry to interrupt. That is why I'm asking in RESPA's pandangan, what sort of kuasa boleh di perkasa lagi on part of SIAP that was suggested by RESPA.*

Dato' Razali bin Basri: Tuan Pengerusi, kita punya isu di sini adalah kita terikat dengan Perkara 140. Perkara 140 itu dengan jelas dengan frasa– *phrase* yang amat penting di situ adalah 'perjalanan kawalan tatatertib', 'exercise of disciplinary powers'. *It has limitation. So, this limitation cannot be breach at the expense of being challenged in court for being not constitutional. So, bagi menjawab untuk soalan ini, you cannot give anything and everything. There must be some line drawn. I cannot give you the answer, how best is the best untuk SIAP. What I can tell you is that, during my 41 years of service in the police force until I retired on 2018, saya belum pernah jumpa lagi satu kes di mana, JIPS sebelum itu bahagian tatatertib, mengalami problem untuk menyiasat kes tatatertib. Saya juga tidak menemui mana-mana kes di mana kalau seseorang itu patut dibuang kerja, tidak diambil tindakan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis yang bertindak sebagai badan pihak berkuasa tatatertib. So, the system is actually Yang Berhormat, gets along well, but the mechanism of implementation is either not fully understood or not fully applied. That is why we have the problem now.*

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: *Dato', thank you very much for your presentation. My question is, your concern regarding the issue of disciplinary control, there is parameters. But, under the Federal Constitution, under 140(1), it is also stated, regarding the powers of the Police Commission. It also mentioned disciplinary control. That too I understand from our briefing yesterday by the AGs Chamber and also by Prof. Madya Dr. Shamrahayu, there is no clear definition of disciplinary control. So, would you perhaps in your position or RESPA's position, would it be better to define these disciplinary control?*

Dato' Razali bin Basri: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Julau. *Sorry I got the list. Yang Berhormat Tuan Larry Soon, Yang Berhormat Julau, is there a need to define 'disciplinary control'? Why was in the first place the framer of the Constitution saw it not fit? The wisdom of the people at that time when they framed this Constitution did not elaborate what did the exercise of disciplinary control means. Even, in year 1976 when there was an amendment to it by Yang Amat Berhormat Tun Hussein Onn, the late Tun Hussein Onn, also this particular phrase was not defined which is the most crucial piece or phrase in that Constitution. Why was that? It is because Yang Berhormat, I am– sorry. RESPA is of the opinion, justice, especially livelihood of a person*

berangkai dalam *Constitution* ini. *There is a concept of natural justice, there is a concept of limitation of powers. You cannot go beyond what is not normal.* Pada pandangan kamilah.

Misalannya, kalau *you nak hendak ambil seseorang itu, hendak dibuang kerja dia, there is set procedures* dalam Perintah Am itu, okey. Ia ada *check and balance* dan ia ada prosedur. *Finally Yang Berhormat, there is always access to justice. You cannot shut the door to the court. You can apply statutorial rights, you can apply judiciary review, you can challenge. In fact, the jurisdiction of administrative law is full with people who had lost their livelihood and won in Federal Court, I mean, in Superior Court. From Surinder Kanda Singh to many other cases. So, to answer your question Yang Berhormat, there is already a jurisprudence on natural justice. So, when there is already a jurisprudence on rights to be heard, reasonable rights to be heard, equal protection of the law, livelihood is connected to Article 5, do you think it is necessary to define 'disciplinary control' when you already have this built-in check and balance? That is our view, Yang Berhormat.*

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: *I have another question. This question is directed to Persatuan Pegawai Polis Kanan Bahagian 'B' and also PPRPD. So, the government is committed to improve the welfare, housing and remunerations of the PDRM with a few improvements to the IPCMC Bill. Would you support it?*

SAC Sulaiman bin Yahaya: *You are asking me? It is because, 'B' is Inspector. I can answer the question, because I already highlighted the things. Okey, sebagaimana yang saya sebutkan dalam pembentangan tadi, isu kebajikan dan apa-apa kemudahan dan juga IPCMC harus di address secara berbeza. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa bukanlah menjadi satu syarat untuk menubuhkan IPCMC, bukan menjadi satu syarat, bukan ada condition there. Kalau hendak buat IPCMC, you will take care of their logistics and kemudahan ataupun welfare of the police. I think itu adalah merupakan satu perkara yang salah pada pandangan kita. Ini kerana kemudahan yang perlu diberi kepada sesiapa yang layak untuk menikmatinya, merupakan hak dia.*

■1720

Begitu juga perkara berkaitan kebajikan. Kalau seseorang itu perlu diberi *allowance* tertentu, maka ia menjadi haknya untuk mendapat elaun tersebut.

Begitu juga apa yang kita selalu bangkitkan berkaitan dengan hal-hal logistik, kemudahan-kemudahan dari segi perumahan dan sebagainya. Itu perkara yang menjadi keperluan yang perlu disediakan oleh pihak kerajaan. Seandainya perumahan-perumahan yang sedia ada ini tidak diselenggarakan dan pihak polis berada di rumah-rumah yang sudah usang dan tidak layak diduduki, diisytiharkan oleh JKR, maka itu merupakan satu tanggungjawab dan hak yang wajib

diperoleh anggota polis itu sendiri. Meskipun bukan disebabkan kewujudan IPCMC. Ini kerana IPCMC ini wujud katanya di peringkat awalnya tahun 2005 hasil daripada RCI, isu logistik, isu perumahan ini sudah disediakan di peringkat awal dahulu. Malah kalau kita rujuk kepada Bukit Kepong pun sudah ada kuarters pun ada. Akan tetapi sekarang ini kita hendak supaya perkara-perkara berkaitan dengan kuarters sebagai contohnya perlu disediakan atas dasar keperluan dan hak yang perlu dinikmati meskipun tanpa ada IPCMC pun. Walaupun ia menjadi SIAP, bukan IPCMC, tetap satu tanggungjawab kepada pihak yang berwajib, pihak kerajaan untuk menyediakannya.

Begitu juga dengan hal-hal yang berkaitan dengan kelengkapan untuk bertugas. Saya bagi contoh. Soal kenderaan yang dibangkitkan oleh PRPD tadi. Kenderaan-kenderaan yang telah rosak, yang lama dan sebagainya, tak di selenggara dan tak ditukar ganti. Perkara-perkara ini akan melibatkan satu kecacatan dari segi pelaksanaan tugas. Apabila tugas tidak dapat dilaksanakan— kita punya piagam, seseorang itu berada di tempat kejadian *within 10 to 15 minutes*. Seandainya kita tidak mematuhi kepada perkara yang ditetapkan oleh pihak majikan kita, pihak IGP mengikut peraturan kita, maka ia menjadi satu kesalahan dan seandainya kesilapan, kesalahan itu disebabkan oleh masalah logistik ini, adakah kita ini dipertanggungjawabkan.

Begitu juga hal-hal— ini perkara yang besar saya cakap ini. Keperluan-keperluan yang mungkin orang ramai tak tahu. Contohnya, buku-buku repot yang tidak ada, yang tidak disediakan, yang kurang peruntukan menyebabkan anggota-anggota kita perlu fotostat sendiri buku repot untuk menerima repot daripada orang awam. Ini amat menyedihkan, tapi kita tetap fotostat juga. Hendak fotostat kita perlukan kepada *photostat machine*, *photostat machine* pun rosak dan tidak di selenggarakan. Bila diselenggarakan bila *photostat machine* okey, *toner* pula tiada. Bila *toner* ada, *paper* pula tak ada. Ini saya hendak cerita ini. Adakah ini menjadi satu syarat untuk wujud IPCMC. Ini persoalan dia.

Maka, saya katakan bahawa soal logistik sebagaimana saya bentangkan bahawa itu adalah keperluan yang perlu dilihat dan perlu diperbaiki. Supaya kita mengharapkan apabila perkara-perkara ini diambil perhatian, maka kita tidak mempunyai alasan untuk menyatakan bahawa apabila berlakunya salah laku dalam kalangan anggota kita, maka hukumlah mereka. Saya sendiri, saya katakan tadi kita tidak kompromi berkenaan salah laku. Sekiranya berlaku salah laku dan *everything being provided by the government, so carry on*. Kita amat menyokong, sebagaimana yang disebutkan tadi. Kita hendak *compare* dengan negara-negara luar. Apakah keperluan untuk tugas yang diberikan kepada pegawai-pegawai polis negara luar yang

menyebabkan mereka wujudkan satu badan luar untuk memantau dan mengambil tindakan. Ini jawapan saya. Terima kasih.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Saya minta maaf. Saya *just* hendak bagi *opinion* sebab saya tidak mahir— saya bukan *lawyer*. Saya hanya bekas pensyarah undang-undang. Jadi sebenarnya, apa yang Tuan nyatakan tadi, saya rasa tidak lari daripada apa yang Yang Berhormat Julau cakap pun. Ini memang kita perjuangkan. Kita tahu sangat, kita maklum sangat keadaan polis ini. Saya semalam buat repot polis, hendak *print* tak boleh. Oleh sebab apa, apalah masalah dan benda-benda ya. Saya pun memikir hari itu hendak bagi balai-balai polis di tempat saya, *at least* bagi cat ke supaya cantik sikit. Saya memang ada memikirkan benda macam itu. Sebab nampak memang teruklah balai-balai polis ini.

Contohnya, tentang hari itu ada masalah di tempat saya, di mana kabel elektrik itu putus. *Then* kita mengadu kepada polis, polis tidak boleh datang jaga. Beberapa kali. Jadi, saya pergi ke balai polis, saya kata masa itu dekat maghrib lah. Tuan ada seorang sahaja. “*Sorry seorang sahaja?*”. “*Memang, saya daripada ini sampai pukul satu memang seorang.*” Dia kata. Saya kata “*habis, macam mana?*”. “*Kalau ada masalah berlaku, kita akan panggil daripada Melaka Tengah.*” Akan tetapi benda ini saya pernah cakap dekat KDN. Jadi, ada pula orang bawah beritahu “*mana Yang Berhormat yang cakap itu? Nanti— bukan ini, benda itu jawab salah.*” *No*. Saya kata, kalau ada masalah, beritahu. Inilah gunanya kita untuk perjuangkan hak-hak you, jangan lindung-lindung benda-benda macam ini. Jadi, kita maklum. Jadi, mana dia hendak pergi— jaga trafik. Jadi, pegawai saya pula yang pergi jaga trafik takut elektrik itu orang lalu, kena ke apa.

Jadi, kita pun maklum. Kita maklum apa-apa masalah yang— jadi, ini memang kita perjuangkan. Jadi, sebab itu tadi apabila dinyatakan masalah ini dengan penubuhan IPCMC, kita lebih tengok kepada aduan salah laku ini, bukan kita menafikan kebajikan. Kebajikan memang sekarang kita hendak menolong polis banyak. Okey, jadi sekarang ini apa dia sebenarnya yang kita sekarang ini bersidang semua ini. Saya sebenarnya berterima kasih sangat sebab kita pun hari itu semasa permukiman Pakatan Harapan, dua hari sebelum kita masuk Parlimen hari itu. Memang kita menekankan bahawa *Select Committee on Rang Undang-undang* mesti diadakan segera. *Alhamdulillah* apabila kita naik ini, dia adakan. Jadi maknanya, barulah kita dapat dengar sebenarnya. Oleh sebab macam hari itu saya cakap, kita kena *do the right thing right at the very first time*. Jadi maknanya, apabila undang-undang itu sebelum dibentangkan, inilah kita perlu buat dan *alhamdulillah this is a good step* lah untuk menerima benda ini.

Jadi, apa masalahnya sekarang? IPCMC, maknanya sekarang ini benda ini ditubuhkan— kita tahu bahawa RCI 2005. Sekarang sudah 14 tahun benda ini *discuss* tetapi tidak— belum dapatnya. Mungkin kita punya IPCMC— itu sebab ada kelemahan-kelemahan dia yang tidak

proper seperti macam Datuk cakap tadi. Banyak lah dari segi *legality* lah, daripada *constitutionality*, *whatever*. Jadi, benda macam itu, kita rasa inilah yang kita hendak selesaikan. Apa sebab benda itu tak jalan daripada dulu dan kita *aware*. Contohnya, macam memang Datuk kata tadi kita ada SPRM. Akan tetapi bagaimana SPRM pula menjalankan tugas. Contohnya Teoh Beng Hock pun mati di tempat SPRM. Ada satu lagi itu, siapa itu, di SPRM juga. Masa saya mengajar dahulu, dia punya *finding* ialah Teoh Beng Hock tidak membunuh diri dan tidak dibunuh. Habis *student* saya tanya, macam mana Puan? Saya kata mungkin '*hantu Kak Limah balik rumah*' yang tolak dia. *Right? Because* benda ini pelik.

Jadi, sebab itulah penubuhan IPCMC yang kita perlu baiki sekarang di mana— maknanya benda-benda macam itulah yang menjadi masalah. Contohnya, macam lagi satu kes-kes lah. Banyaklah kes yang kita jadi isu, kita lawan banyak sebelum ini. Iaitu macam kes Altantuya kah. Siapa yang buat? Macam mana benda itu. Jadi, kita tidak boleh hendak *answer*. *That is why* lah benda-benda ini kita tubuhkan dan saya percaya semua ini, apa-apa pendapat yang diberitahu tadi, saya cakap memang kita banyak tak tahu juga. Maknanya, pendapat-pendapat itu sekarang baru kita buka dan *I say thankful* lah kita sudah ada benda ini dan mudah-mudahan kita dapat jalan keluar. Macam tadi bila Yang Berhormat tanya macam mana SIAP ini. Dia hendak ambil tindakan dan Datuk kata— so kita kena ada cadangan. Macam mana SIAP ini untuk diperkukuhkan. Kalau kita tak jadi IPCMC *which* is kita tak tahulah keputusan dia nanti. *We are going around* lah Datuk Rosmee, untuk pergi *townhall session*. Jadi, kita pun tak tahu. Jadi, maknanya kita— saya nampak sesi ini memang sangat bagus dan *we are aware*. Akan tetapi kita kena selesaikan tentang benda ini. Itu sahaja *my humble opinion*. Terima kasih.

Dr. Su Keong Siong: Tuan Pengerusi, Terima kasih. Saya ada satu soalan kepada Inspektor Suhaimi ya. Dalam perbincangan, inspektor telah menyatakan kemungkinan pihak-pihak tertentu yang mempunyai kepentingan, dia akan mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan pasukan polis. Apakah pandangan inspektor tentang isu ini jika kita lihat seksyen 25 yang memang ada *safety net* di mana Jawatankuasa Aduan *can vet through* dan sekiranya aduan itu bersifat remeh, menyusahkan atau tidak suci hati ataupun tohmahan, aduan yang berulang, jawatankuasa boleh menolak aduan tersebut.

■1730

Jadi, apakah pandangan Inspektor tentang isu yang dibangkitkan oleh Inspektor dengan seksyen 25 yang memang *to me, address* isu yang dibangkitkan?

Insp. Sohaimi bin Hashim: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk bagi menjawab soalan tersebut, bagi pandangan kami sekiranya aduan ataupun orang-orang yang berkepentingan, yang mempunyai dendam— kita tahu berlaku peralihan kuasa kerajaan sekarang. Kami

memikirkan, takut aduan yang dibuat itu oleh contohnya gengster dan sebagainya. Tohmahan kalau berulang seperti yang diberi contohlah, air yang menitik dibatu walaupun ia keras, lama-lama ia akan menjadi pecah dan sebagainya. Begitu juga— sekiranya ia membuat aduan berulang, kita tolak dan sebagainya. Akan tetapi kalau dia mengemukakan bukti-bukti yang lain dan sebagainya, lebih-lebih lagi dengan Akta Berita Tidak Benar ini sudah dimansuhkan, macam-macam boleh berlaku.

Ini bukan sahaja— ini yang kami takut. Siasatan mungkin boleh berlaku tetapi ahli-ahli ataupun para Inspektor dan pegawai penyiasat ini akan menjadi satu rintihan dalam jiwa mereka. Adakah kerajaan tidak membantu menjaga kebajikan mereka? Apabila tohmahan itu selalu dilemparkan— memang Yang Berhormat mengatakan ada *select committee* tentang aduan-aduan yang benar dan tidak benar tetapi kalau ia berulang.

Dr. Su Keong Siong: Salah laku yang telah terlalu lama, aduan yang berulang, tidak mengandungi tohmahan baharu— sebelum siasatan juga, jawatankuasa aduan hendaklah mengesyorkan kepada *commission* untuk menolak aduan tersebut. Jadi, bukankah itu terdapat satu *proviso of section* yang meng-*address* isu yang dibangkitkan oleh Inspektor Sohaimi?

Insp. Sohaimi bin Hashim: Seperti mana yang saya nyatakan tadi, apabila aduan itu aduan yang dikatakan berulang, selalu dinyatakan atau selalu dilemparkan kepada pihak penyiasat atau pegawai penyiasat, maka mungkin akan menjadi satu beban kepada kami apabila melakukan tugas. Walaupun ada dikatakan sifat yang remeh dan sebagainya tetapi kalau selalu berulang, maka akan menjadi tekanan kepada kami untuk melaksanakan tugas sebagai penyiasat.

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa soalan lain sebelum kami menutup sesi untuk hari ini? Saya ingat— *I think* itu sahaja ya. Terima kasih saya mengucapkan kepada semua *panellist* yang telah pun memberi taklimat dan ucapan tadi. Kami amat menghargai input dan hujahan-hujahan tuan-tuan tadi. So, boleh saya pohon untuk ahli-ahli *and the others to stay back, just for five minutes. So that, we can finalize our next agenda.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.34 petang]